

## TANDA-TANDA KIAMAT

### i. Pengenalan Tanda Kiamat

Tanda kiamat dalam bahasa Arab disebut sebagai Asyratus Sa'ah.

Asyrat adalah tanda sesuatu sebelum kehadirannya sebagaimana disebut 'Asyrat Sultan' bermaksud tanda-tanda kehadiran sultan –dari tentera, bendera dan sebagainya- sebelum ketibaannya.

Tanda Kiamat dari segi syara' adalah tanda-tanda yang mendahului kedatangan kiamat dan menunjukkan kehampirannya.

### ii. Dalil Kewujudan Tanda Kiamat

Firman Allah s.w.t : { رَمَقِلَا قِشْنَاوَة عَاسِلَا تَبْرْتَقَا }

*“Telah hampir kiamat dan telah terbelah bulan”* al-Qamar : 1

Dalam hadith Jibril a.s yang masyhur, Jibril a.s bertanyakan Nabi Muhammad s.a.w - selepas baginda menyatakan tidak tahu tentang waktu berlakunya kiamat- : “Khabarkan kepadaku apakah tanda-tandanya?” (Riwayat Muslim)

### iii. Pembahagian Tanda-Tanda Kiamat

#### 1. Tanda Kiamat Kecil

- Merupakan tanda-tanda yang mendahului kedatangan kiamat dalam jarak masa yang agak panjang (berbanding tanda-tanda besar). Dinamakan kecil kerana ianya kadang-kadang termasuk dalam perkara biasa dalam kehidupan manusia dan sebahagian manusia tidak mempedulikannya seperti tersebarnya kejahilan, merebaknya penzinaan.

#### 2. Tanda Kiamat Besar

- Merupakan tanda-tanda yang menunjukkan kiamat itu sudah terlalu hampir. Ianya bukan dari perkara biasa dalam kehidupan manusia seperti kedatangan nabi Isa dan terbitnya matahari dari arah barat.